

02/05/1997

Dagangan Malaysia-Australia tidak terjejas

PERTH, Khamis - Malaysia hari ini, berkata perdagangannya dengan Australia tidak terancam dengan sikap lantang dan anti-Asia, Pauline Hanson yang sengaja menyemarakkan semangat perkauman di negara itu.

Hanson sama seperti Lorena Bobbit yang memotong kemaluan suaminya pada 1993, iaitu seseorang yang ceritanya kita baca tetapi lepas itu dilupakan saja, kata Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Seri Rafidah Aziz.

Beliau berkata, Malaysia tidak akan mempedulikan pandangan penggubal undang-undang bebas itu walaupun kempen anti-Asianya menyebabkan berlaku peningkatan serangan perkauman di sini.

"Kita tidak bercakap mengenai Pauline Hanson di Malaysia," kata Rafidah kepada wartawan di Perth ketika menghadiri persidangan di sini.

"Kita lebih matang daripada itu," katanya.

Beliau berkata, kenyataan Hanson dianggap sama seperti kes Bobbit di Malaysia.

"Kita bacanya kerana ia berita baru. Ia menarik minat tetapi tiada siapa yang peduli atau mengulas mengenainya," kata Rafidah.

Beliau mengakui Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad agak bimbang apabila kes Hanson bermula pada September lalu, dan menggalakkan pelajar Malaysia di Australia supaya pulang saja.

"Memang ada kejadian berlaku tetapi selepas itu tiada apa yang merbahaya atau lebih banyak kejadian," katanya, merujuk kepada serangan perkauman terhadap orang Asia. - AP

(END)